

**PENGARUH REFLEKSI PRAKTIKUM  
TERHADAP PENCAPAIAN PRAKTIKUM  
GURU PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN  
GURU ZON SABAH**

**RAMLAN BIN MALA**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISEDIAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH REFLEKSI PRAKTIKUM TERHADAP PENCAPAIAN  
PRAKTIKUM GURU PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU ZON  
SABAH**

IJAZAH: **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG: **KURIKULUM DAN PENGAJARAN**

Saya **RAMLAN BIN MALA**, Sesi **2011-2020**, mengaku membenarkan tesis  
Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat  
kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk  
tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran  
antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan  
atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di  
dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan  
oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**RAMLAN BIN MALA**

**PT20119185**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 18 Jun 2020

---

(Profesor Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang)

Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Jun 2020

---

Ramlan bin Mala


PT20119185



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : RAMLAN BIN MALA  
NO.MA TRIK : PT20119185  
TAJUK : PENGARUH REFLEKSI PRAKTIKUM TERHADAP  
PENCAPAIAN PRAKTIKUM GURU PELATIH  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU ZON SABAH  
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH  
BIDANG : KURIKULUM DAN PENGAJARAN  
TARIKH VIVA : 19 JUN 2020



DISAHKAN OLEH:

UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Tandatangan

### 1. PENYELIA UTAMA

Profesor Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang

\_\_\_\_\_

### 2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Roslee bin Talip

\_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya penulisan ini dapat saya sempurnakan kajian dengan jayanya. Saya menyedari sepenuhnya bahawa kejayaan penulisan ini adalah berkat bantuan dari pelbagai pihak sama ada secara langsung atau tidak. Untuk itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucap banyak terima kasih dan penghargaan kepada pihak pentadbiran Universiti Malaysia Sabah (UMS) terutamanya Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP) kerana memberi peluang saya untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ini.

Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Abdul Said Ambotang, selaku penyelia utama, Prof. Madya Dr. Tan Choon Keong dan Dr. Musirin bin Mosin atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan kesungguhan beliau membantu dalam menyempurnakan penulisan ini. Di samping itu juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pengarah-pengarah IPGK Zon Sabah kerana memberi kebenaran untuk menjalankan kajian ini.

Semua guru pelatih yang sudi menjadi responden yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini atas bantuan dan kerjasama semasa saya menjalankan kajian rintis dan kajian lapangan. Semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP) serta kakitangan Pasca Siswazah atas bantuan yang diberikan. Rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan penulisan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan buat isteri tersayang, anak-anak, kedua ibu bapa serta seluruh keluarga yang banyak memberi sokongan dan galakan sepanjang pengajian. Semoga Tuhan mempermudah segala urusan dan membalas jasa baik kalian. Semoga hasil penulisan ini dapat memberi manfaat yang besar kepada kita semua.

Ramlan bin Mala

19 Jun 2020

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh refleksi praktikum iaitu Refleksi rakaman video PdPc, Refleksi Bimbingan Guru Pembimbing dan Refleksi Penyeliaan Pensyarah Penyelia terhadap pencapaian praktikum guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Zon Sabah yang ditempatkan di sekolah terpilih dalam negeri Sabah. Seramai 281 orang pelajar terlibat sebagai responden kajian. Kerangka konseptual kajian ini telah dibangunkan hasil gabungan dua model iaitu Model Penyeliaan Klinikal Acheson dan Gall dan Model Refleksi Kolb. Kajian ini menggunakan rekabentuk konvensional dengan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik dan diedarkan kepada responden guru pelatih PISMP Ambilan Jun 2015. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS bagi statistik deskriptif seperti skor min, sisihan piawai manakala analisis inferens bagi ujian -t , Analisis Varians (ANOVA), dan Analisis Regresi di samping Analisis Model Struktur (SEM AMOS) sebagai model sumbangan bagi kajian yang dijalankan. Semua faktor demografi yang diuji dalam kajian menunjukkan wujud pencapaian yang signifikan berdasarkan lokasi  $P = .004$  dan jantina  $P = 0.032$  manakala tidak signifikan pada kemudahan internet yang disediakan  $P = 0.522$ . Korelasi antara pencapaian praktikum dengan refleksi praktikum iaitu refleksi rakaman video PdPc ialah  $r = .349$  dan refleksi pensyarah penyelia ialah  $r = .672$  mempunyai pengaruh yang kuat dalam pencapaian praktikum manakala sebaliknya bagi refleksi bimbingan guru pembimbing dengan ialah  $r = .144$ . Pengaruh faktor peramal R Square ( $R^2$ ) ialah  $.487$  yang menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas menyumbang 48.7 peratus daripada jumlah varians terhadap pencapaian praktikum. Implikasi kajian ini juga mencadangkan agar pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) memantapkan pengurusan pelaksanaan program praktikum dalam pelbagai aspek pelaksanaan praktikum dan membuat penambahbaikan yang difikirkan perlu.

Kata kunci: refleksi, praktikum, penyeliaan, guru pembimbing, pensyarah penyelia, guru pelatih

## **ABSTRACT**

### ***INFLUENCE OF PRACTICAL REFLECTION TOWARDS PRACTICUM ACHIEVEMENT OF TEACHERS TRAINEE INSTITUTE OF SABAH CAMPUS ZONE***

*The purpose of this study is to identify the relationship between the three sources of practicum reflection; video recording of lessons, school mentor's supervision reflection and lecturers' supervision reflection, on the teacher trainees' achievement in the teaching practicum. 281 pre-service teachers from four branch campuses of the Institute of Teacher Education in Sabah who underwent teaching practicum in selected schools in Sabah were involved as the respondents. The conceptual framework of this study has been developed by combining the Acheson and Gall Clinical Supervision Model and Kolb Reflection Model. This study employs quantitative approach through survey method by distributing questionnaires to respondents of PISMP trainee's June 2015 intake. The data were quantitatively analysed using SPSS and Structural Model Analysis (SEM AMOS). Descriptive statistics such as mean score, standard deviation, inferential analysis of test -t, One Way Analysis of Variance (ANOVA), and Regression Analysis were obtained. SEM AMOS was used to build a contributing model. All demographic factors tested in the study showed significant achievement based on location  $P .004$  and gender  $P 0.032$  while not significant on internet facilities provided  $P 0.522$ . The correlation between practicum achievement with practicum reflection that is PdPc video recording reflection is  $r .349$  and supervisor lecturer reflection is  $r .672$  has a strong influence in practicum achievement while on the other hand for reflection guidance of guidance teacher with is  $r .144$ . The influence of the R Square ( $R^2$ ) predictor factor is  $.487$  which indicates that all independent variables account for 48.7 percent of the total variance in practicum achievement. Implications of this study include suggesting the Malaysian Institute of Teacher Education to improve the management of practicum implementation program in all implementation aspects and devise necessary improvement.*

*Keywords: reflection, practicum, supervision, guidance teacher, supervising lecturer, teacher trainee*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>GLOSARI AKRONIM</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1. PENDAHULUAN</b>	1
1.1. Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Soalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual kajian	17
1.9 Definisi Operasional	18
1.9.1 Definisi refleksi	18
1.9.2 Refleksi Praktikum	20
1.10 Kepentingan Kajian	26
1.11 Batasan kajian	27
1.12 Rumusan	28




<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	29
2.1 Pengenalan	29
2.2 Persediaan Sebelum Menjalani Praktikum	30
2.3 Konsep Pencapaian Praktikum	34
2.4 Konsep Penyeliaan Praktikum	45
2.4.1 Model Penyeliaan Goldhammer (1969), Anderson dan Krajewski (1990)	48
2.4.2 Model Penyeliaan Mosher dan Purpel (1972)	49
2.4.3 Model Bellon dan Bellon	49
2.4.4 Model Penyeliaan Acheson dan Gall (1980)	49
2.5 Konsep Penilaian Praktikum	53
2.6. Refleksi Video Pengajaran dan Pemudah cara (PdPc)	54
2.7 Refleksi penyeliaan guru pembimbing	61
2.7.1 Konsep Guru Pembimbing	65
2.8. Refleksi penyeliaan pensyarah penyelia	71
2.8.1 Konsep Pensyarah Penyelia	73
2.9 Kerangka Teoritikal Kajian	76
2.9.1 Teori Sosial Budaya	79
2.9.2 Teori Konstruktivisme	82
2.10 Rumusan	93
<b>BAB 30 METODOLOGI KAJIAN</b>	94
3.1 Pendahuluan	94
3.2 Reka bentuk kajian	94
3.3 Lokasi Kajian	96
3.4 Populasi Kajian	96
3.5 Sampel dan Prosedur Pensampelan Kajian	97
3.6 Instrumen kajian	99
3.6.1 Bahagian A – Demografi	103

3.6.2 Bahagian B – Perancangan dan Pelaksanaan Rakaman Video Pengajaran dan Pemudah cara (PdPc)	103
3.6.3 Bahagian C – Bimbingan dan Penyeliaan oleh Guru Pembimbing	103
3.6.4 Bahagian D – Bimbingan dan Penyeliaan oleh Pensyarah Penyelia	103
3.6.5 Bahagian E – Pencapaian semasa menjalani praktikum	104
3.7 Kajian rintis	104
3.7.1 Analisis Faktor	105
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	110
3.9 Tatacara pemerolehan dan pengumpulan data	114
3.9.1 Peringkat Pra penyelidikan dan memohon kebenaran	115
3.9.2 Peringkat menjalankan kajian	115
3.10 Analisis Data	115
3.10.1 Analisis Deskriptif	116
3.10.2 Analisis Inferens	117
3.10.3 Analisis Structural Equation Modelling (SEM)	122
3.11 Rumusan	123
<b>BAB 4 ANALISIS DATA</b>	125
4.1 Pengenalan	125
4.2 Profil Responden	125
4.3 Analisis Ujian Normaliti	126
4.4 Analisis Deskriptif	131
4.4.1 Mengenal pasti Tahap Refleksi Rakaman Video Pengajaran dan Pemudah cara (PdPc) guru pelatih di sekolah	132
4.4.2 Mengenal pasti Tahap Refleksi Bimbingan Guru pembimbing terhadap guru pelatih di sekolah	134
4.4.3 Mengenal pasti Tahap Refleksi Penyeliaan pensyarah penyelia terhadap guru pelatih di sekolah	136
4.4.4 Mengenal pasti Tahap Pencapaian praktikum guru pelatih di sekolah	137

4.5. Analisis Inferens	139
4.5.1 Mengenal pasti Perbezaan Pencapaian guru pelatih berdasarkan ciri demografi di sekolah	139
4.5.2 Mengenal pasti Hubungan Antara Refleksi Rakaman Video PdPc dengan pencapaian praktikum di sekolah	143
4.5.3 Mengenal pasti Hubungan Antara refleksi bimbingan Guru pembimbing dengan pencapaian praktikum di sekolah	144
4.5.4 Mengenal pasti Hubungan refleksi Penyeliaan pensyarah penyelia dengan pencapaian praktikum di sekolah	145
4.5.5 Mengenal pasti pengaruh faktor-faktor peramal refleksi rakaman video pengajaran dan pemudah cara, refleksi bimbingan guru pembimbing dan refleksi penyeliaan pensyarah penyelia terhadap pencapaian praktikum di sekolah	146
4.5.6. Mencadangkan model sumbangan secara langsung dan tidak langsung pemboleh ubah refleksi rakaman video PdPc, refleksi bimbingan guru pembimbing dan refleksi penyeliaan pensyarah penyelia terhadap pencapaian praktikum di sekolah	148
4.6 Analisis Structure Equation Modelling (SEM)	148
4.6.1 Analisis Model Pengukuran	149
4.6.2 Analisis Model Struktur	152
4.7 Rumusan Pengujian Hipotesis	155
4.8 Rumusan	156
<b>BAB 5 RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>125</b>
5.1 Pengenalan	125
5.2 Rumusan	158
5.3 Perbincangan	158
5.3.1 Tahap Refleksi Rakaman Video Pengajaran dan Pemudah cara	159
5.3.2 Tahap Refleksi Bimbingan Guru Pembimbing	160
5.3.3 Tahap Refleksi Bimbingan Pensyarah Penyelia	160
5.3.4 Tahap Pencapaian Praktikum	162

5.3.5 Faktor demografi pemboleh ubah	163
5.3.6 Hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar	165
5.3.7 Implikasi kajian:	172
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	177
5.5 Penutup	179
<b>RUJUKAN</b>	180
<b>LAMPIRAN</b>	212




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Agihan Penyeliaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)	7
Jadual 1.2 Tahap Pencapaian Guru Pelatih Pada Seliaan Pertama PISMP Ambilan Januari 2013 semasa menjalani Praktikum 1	8
Jadual 1.3 Kriteria Penganugerahan kepada lulusan PISMP	12
Jadual 1.4 Jadual Pemarkahan dan Penggredan	25
Jadual 2.1 Tahap Pencapaian berdasarkan Bimbingan (PR1)	35
Jadual 2.2 Rumusan Penilaian Praktikum (PR2)	41
Jadual 2.3 Implementasi ciri-ciri teori konstruktivisme dalam Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	91
Jadual 3.1 Bilangan Guru pelatih PISMP mengikut IPKG Kampus Zon Sabah	98
Jadual 3.2 Bilangan Guru pelatih yang terlibat dalam kajian berdasarkan <i>Krejci dan Morgan</i>	99
Jadual 3.3 Pembinaan Instrumen soal selidik	101
Jadual 3.4 Taburan Item Instrumen Soal Selidik	102
Jadual 3.5 Indeks Faktor Mudah	106
Jadual 3.6 Jadual KMO dan Bartlett's Test bagi Refleksi Rakaman Video Praktikum	106
Jadual 3.7 Jadual KMO dan Bartlett's Test bagi Refleksi Bimbingan Guru Pembimbing	107
Jadual 3.8 Jadual <i>KMO dan Bartlett's Test</i> bagi Refleksi Bimbingan dan Penyeliaan Pensyarah Penyelia	108
Jadual 3.9 Jadual KMO dan Bartlett's Test bagi Pencapaian semasa menjalani Praktikum	108
Jadual 3.10 Perubahan Jumlah Item Soal Selidik Selepas Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	109
Jadual 3.11 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	112

Jadual 3.12	Keputusan Nilai Kebolehpercayaan ( <i>Alpha-Cronbach</i> ) Instrumen Kajian Rintis	112
Jadual 3.13	Skor Min dan Interpretasinya	117
Jadual 3.14	Pekali Korelasi	118
Jadual 3.15	Ringkasan Pengujian Hipotesis Analisis Inferens	120
Jadual 4.1	Profil Responden	125
Jadual 4.2	Ujian Taburan Kenormalan Kolmogorov – Smirnov dan Shapiro - Wilk	126
Jadual 4.3	Ujian Taburan Kenormalan Skewness dan Kurtosis	127
Jadual 4.4	Rumusan Min keseluruhan Refleksi Praktikum dan pencapaian praktikum di sekolah	131
Jadual 4.5	Tahap Refleksi Rakaman Video PdPc di sekolah	132
Jadual 4.6	Tahap Refleksi Bimbingan Guru Pembimbing di sekolah	134
Jadual 4.7	Tahap Refleksi penyeliaan Pensyarah Penyelia di sekolah	136
Jadual 4.8	Tahap Pencapaian Praktikum di sekolah	137
Jadual 4.9	Ujian Tukey Pencapaian berdasarkan IPG Kampus Zon Sabah	140
Jadual 4.10	ANOVA Tahap Pencapaian berdasarkan IPG Kampus	140
Jadual 4.11	Ujian Tukey bagi menunjukkan perbezaan min antara IPG Kampus Zon Sabah	141
Jadual 4.12	Ujian t Tahap Pencapaian berdasarkan Jantina	141
Jadual 4.13	ANOVA Tahap Pencapaian berdasarkan kemudahan internet di sekolah	142
Jadual 4.14	Kekuatan nilai pekali korelasi	143
Jadual 4.15	Hubungan antara refleksi Rakaman Video PdPc dengan Pencapaian praktikum di sekolah	144
Jadual 4.16	Hubungan antara refleksi bimbingan guru pembimbing dengan Pencapaian praktikum di sekolah	145
Jadual 4.17	Hubungan antara refleksi penyeliaan pensyarah penyelia dengan Pencapaian praktikum di sekolah	145

Jadual 4.18	ANOVA	146
Jadual 4.19	Coefficients	147
Jadual 4.20	Model Summary	148
Jadual 4.21	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian SEM	150
Jadual 4.22	Korelasi Antara Variable	151
Jadual 4.23	Pengukuran Penyesuaian Model (Goodness-of-Fit) N=322	152
Jadual 4.24	Analisis Langsung Variabel Peramal dengan Variabel Bersandar Kajian	152



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Rangka Konsep Kajian Refleksi Praktikum	17
Rajah 2.1	Model Penyeliaan Tiga Peringkat oleh Acheson dan Gall (2003)	50
Rajah 2.2	Model Refleksi Kolb (1984) Empat peringkat	52
Rajah 2.3	Model Bimbingan CARE	64
Rajah 2.4	Aspek Penyeliaan PdPc di sekolah	70
Rajah 2.5	Model Latihan Mengajar Abdul Latif, 2010	71
Rajah 2.6	Kerangka Teoritikal	79
Rajah 2.7	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham	90
Rajah 2.8	Model Refleksi Praktikum Ubahsuai Model Refleksi Kolb (1982) dan Model Penyeliaan Tiga Peringkat Acheson dan Gall (2003)	92
Rajah 4.1	Taburan Nilai Data Refleksi Rakaman Video PdPc	128
Rajah 4.2	Taburan Nilai Q – Q Plot bagi Refleksi bimbingan Guru Pembimbing	129
Rajah 4.3	Taburan Nilai Q – Q Plot bagi Refleksi Pensyarah Penyelia	130
Rajah 4.4	Analisis Model Struktur	154
Rajah 4.5	Pengaruh Refleksi Praktikum Terhadap Pencapaian Praktikum	155



## GLOSARI AKRONIM

ABM	Alat Bantu Mengajar
ANOVA	Analisis Varians
BBB	Bahan Bantu Belajar
BPPDP (EPRD)	Bahagian Perancangan Dasar Pendidikan
ESSCOM	Kawasan Keselamatan Khas Negeri Sabah
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JNSP	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KMD	Kemahiran Maklumat Dasar
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
PBS	Pengalaman Berasaskan Sekolah
PDPC	Pengajaran dan Pemudah cara
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPPM	Pelan Perancangan Pendidikan Malaysia
RMK	Ringkasan Maklumat Kursus
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SEM	Model Persamaan Struktur
SGM	Standard Guru Malaysia
SPP	Suruhanjaya Pendidikan Malaysia
SPSS	Pakej Statistik Sains Sosial
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UA	Universiti Awam
US	Universiti Swasta

## SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	Soal selidik	212
Lampiran B	Borang Bimbingan Praktikum (PR1)	210
Lampiran C	Borang Penilaian Praktikum (PR2)	212
Lampiran D	Jadual Krichie dan Morgan	213
Lampiran E	Surat Kebenaran EPRD	214
Lampiran F	Surat Rujukan Pakar	216
Lampiran G	Surat Kebenaran IPG Kampus	220
Lampiran H	Surat Pemantauan Praktikum	224
Lampiran I	Surat Perubahan Praktikum	225
Lampiran J	Jadual <i>Rotated Component Matrix</i> bagi Perancangan dan Pelaksanaan Rakaman Video	226
Lampiran K	Jadual <i>Rotated Component Matrix</i> bagi Bimbingan dan Penyeliaan oleh Guru Pembimbing	227
Lampiran L	Jadual <i>Rotated Component Matrix</i> bagi Bimbingan dan Penyeliaan oleh Pensyarah Penyelia	228
Lampiran M	Jadual <i>Rotated Component Matrix</i> bagi Capaian Semasa Menjalani Praktikum	229

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Sistem Pendidikan negara dirancang seiring dengan kemajuan selari dengan perkembangan semasa agar rakyat mampu bersaing selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM-2013 – 2025). Pelbagai pelan dan penyata pendidikan diperkenalkan dalam memperbaharui sistem pendidikan di Malaysia antaranya adalah Penyata Razak pada 1956, Penyata Rahman Talip 1960 dan tertubuhnya Akta Pendidikan 1961 yang menjadi tunjang perpaduan dan sistem pendidikan kebangsaan. Jawatan Kuasa Kabinet telah ditubuhkan pada tahun 1974 dalam rangka memperkasa pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Pendidikan merupakan tunggak utama pembangunan modal insan dalam menyumbang meningkatkan ekonomi negara, pemerkasa kreativiti serta penjana inovasi bagi melengkapkan generasi muda dengan ilmu dan kemahiran untuk berdaya saing dalam memenuhi pasaran kerja bagi menjayakan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global (Najib Razak, PPPM: 2013-2015)

Pendidikan adalah asas pembentukan negara dan perpaduan rakyat. Melalui pendidikan individu dapat meningkatkan kualiti hidup di samping menjadi penyumbang idea dan tenaga kepada masyarakat serta aktif dalam pembangunan negara yang mapan. Guru merupakan insan berperanan dalam mentransformasikan

guru pelatih agar kemenjadian guru menjadi modal insan cemerlang serta menjadi penyumbang dalam pembangunan bangsa agama dan negara.

Dalam menyediakan guru terlatih yang berkelayakan, ada tiga agensi yang dipertanggungjawabkan iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada satu ketika dahulu dikenali sebagai Maktab Perguruan, Institusi Pendidikan Tinggi Awam atau Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta atau Universiti Swasta (US) Kementerian Pelajaran Malaysia, (KPM, 2009). IPGM berperanan menyediakan bakal guru sekolah rendah seluruh Malaysia sementara Universiti Awam dan Universiti Swasta menyediakan guru-guru sekolah menengah dalam pelbagai opsyen yang diperlukan.

IPGM mula menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pada tahun 2006, mengambil masa selama empat tahun yang mana sebelum ini hanya mengeluarkan graduan diploma pendidikan setelah dinaiktarafkan oleh Jemaah Menteri pada Julai, 2005 (BPPDP, 2006). Bagi menjamin kualiti guru yang dihasilkan mempunyai identiti profesional yang mantap, kurikulum pendidikan guru di IPGM telah direka bentuk berdasarkan dua komponen penting iaitu pengalaman pembelajaran untuk belajar dan mengajar (KPM, 2010). Salah satu komponen penting dalam kurikulum pendidikan guru bukan sahaja di Malaysia tetapi seluruh dunia adalah komponen praktikum (Grudnoff, 2011; Mohd Azhar, 2008; OECD, 2011; Zailani *et al.* 2013).

Komponen Praktikum atau latihan mengajar (LM) dilihat sebagai teras dalam penghasilan guru-guru novis melalui pendedahan pengalaman dalam situasi sebenar. Aspek ini diberi penekanan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Malaysia (2006) di mana semasa latihan mengajar, pengalaman yang diperolehi dianggap sebagai sumber paling berpengaruh dalam sosialisasi seorang guru novis. Lanjutan daripada itu, semua guru pelatih diwajibkan menjalani latihan praktikum (KPM, 2006).

Amalan praktikum telah dilaksanakan secara menyeluruh sebagai komponen yang amat penting dalam latihan pendidikan guru dan sentiasa dipandang tinggi oleh guru pelatih sebagai aktiviti yang mampu membangunkan kecekapan dan identiti

profesional mereka sebagai guru (Beach dan Pearson, 1998; Darling-Hammond, 2010; Grudnoff, 2011; Mohamad Azhar Ayob, 2008; Peters, 2008; Starkey dan Rawlins, 2011; Zailani *et al.* 2013).

Struktur Kursus dan Kurikulum di IPGM terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Kursus Teras (*Major*), Kursus Wajib Universiti dan Kursus Elektif Teras (*Minor*). Latihan praktikum merupakan salah satu komponen dalam Kursus Teras yang dikenali sebagai Amalan Profesional. Kursus Teras Amalan Profesional ini pula terdiri daripada tiga komponen iaitu Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS); Praktikum; dan *Internship* (KPM, 2008). Praktikum dalam konteks IPGM bermaksud latihan amali di sekolah yang memberi peluang guru pelatih untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara menyeluruh dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah melalui bimbingan serta kolaborasi dengan guru pembimbing, pensyarah pembimbing dan rakan guru pelatih dalam pelbagai situasi (KPM, 2008).

Pengambilan guru pelatih yang mempunyai keputusan SPM yang cemerlang minima lima subjek dan ini merupakan mekanisme penting bagi meningkatkan kualiti guru. Latihan Pra perkhidmatan menyediakan asas yang kukuh kepada guru untuk memberikan sumbangan berkesan dalam bilik darjah sejak hari pertama perkhidmatan mereka. Seramai 69,000 orang pelajar lepasan SPM tahun 2015 manakala 27 000 orang pelajar daripadanya mencapai 5A yang memohon untuk mengisi 3,200 kekosongan untuk latihan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), (Harian Metro, 8 Dis, 2015). Ini menunjukkan kerjaya guru bukanlah menjadi pilihan yang terakhir.

Pada tahun 2015 jumlah guru sekolah rendah ialah 233,365 orang peningkatan sebanyak 1,133 orang berbanding pada tahun sebelumnya manakala bilangan guru sekolah menengah adalah 181,975 orang pada 2015 dengan peningkatan sebanyak 1,751 berbanding pada tahun 2014. Nisbah murid guru di sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia menurun daripada 12.5 pada tahun 2014 kepada 12.0 pada tahun 2015. Jabatan Perangkaan (2016). Oleh yang demikian program Latihan Perguruan perlu di perkasa selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK, 2016) menjadikan faktor utama untuk memastikan matlamat PPPM 2013-2025 tercapai bergantung kepada kualiti

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan amalan nilai profesionalisme keguruan seperti yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia (SGM).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

IPGM membuat pengambilan guru pelatih diperkukuhkan dengan beberapa pendekatan yang lebih holistik untuk menarik calon daripada pelbagai latar belakang dan tahap pengalaman. Pada masa yang sama kurikulum latihan guru dimantapkan dengan menambah waktu praktikum, menyesuaikan kemahiran dalam pelbagai dan menerapkan kemahiran kepimpinan serta pengurusan. (KPM, 2013, 2016).

Jemaah Menteri telah meluluskan 27 buah Maktab Perguruan di Malaysia di naik taraf kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada 13 Julai 2005. Pada mulanya Institusi ini hanya mengeluarkan graduan bertaraf diploma dan sijil, kini institusi ini telah mendapat mandat yang melayakkannya menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perguruan. Ini menjadikan IPG sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti. Selaras dengan perubahan taraf tersebut, IPG telah melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Graduan sulung IPG telah menamatkan pengajian dan menerima ijazah Sarjana Muda Perguruan pada tahun 2011. Pengambilan guru pelatih baharu mestilah mempunyai syarat minima dengan pencapaian cemerlang 5 mata pelajaran dan lulus Bahasa Inggeris, Sejarah dan cemerlang bagi opsyen yang dipilih (IPGM, 2016).

IPGM dan IPGK telah diberi mandat untuk melaksanakan Program Pendidikan Perguruan Pra perkhidmatan dan dalam Perkhidmatan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Senat diwujudkan bagi membuat keputusan mengenai dasar-dasar akademik. IPGM bertanggungjawab merancang dan memantau Perkhidmatan Pendidikan Keguruan (PPK) yang dilaksanakan oleh IPGK.

Kepelbagaian program dan opsyen pendidikan perguruan pra perkhidmatan di Universiti Awam, Universiti Swasta dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menjadikan komponen praktikum dilihat sebagai teras dalam penghasilan guru permulaan (novis) melalui pendedahan pengalaman pada situasi sebenar. Aspek ini diberi penekanan oleh KPT dan KPM semasa menjalani praktikum, pengalaman yang

diperoleh dianggap sebagai sumber paling berpengaruh dalam sosialisasi seorang guru novis. Lanjutan daripada itu, semua guru pelatih diwajibkan menjalani latihan praktikum (KPM, 2006) selaras dengan struktur program yang dirancang.

Kurikulum Latihan perguruan perlu dirancang dengan penuh teliti. Ini kerana mengajar adalah satu proses yang kompleks yang mana bermula dengan murid dan berakhir dengan murid. (Enerson,1997). Praktikum menjadi satu elemen penting dalam kurikulum latihan perguruan yang melayakkan penganugerahan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) atau Ijazah Sarjana Muda Perguruan (ISMP) bagi seseorang itu berkelayakan untuk dilantik mengajar di institusi pendidikan atau sekolah setelah melalui proses sekatan tertentu. Kelayakan Ikhtisas yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA, 2011) merupakan mandatori dalam proses peralihan ke Perkhidmatan Awam di Malaysia, khususnya di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program Latihan Perguruan Sepenuh Masa merupakan pendekatan latihan bagi mengatasi kekurangan guru yang serius di sekolah rendah dan perubahan nisbah guru di sekolah-sekolah serta dalam masa yang sama bertujuan untuk mencapai sasaran dasar pensiswazahan guru di sekolah rendah 50 peratus menjelang 2010. (BPG, 2003). Guru pelatih mempunyai masa yang mencukupi merangkumi kuliah bersemuka dan tugas yang diberikan sama ada secara kumpulan atau individu sebelum menjalani praktikum.

Kursus Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) membolehkan guru mengekal dan meningkatkan set kemahiran, pedagogi dan penyediaan sumber pengajaran yang pelbagai dan berteknologi serta memenuhi konsep *ICT*. Walau bagaimanapun program pra perkhidmatan di Malaysia mempunyai komponen praktikum yang terhad berdasarkan struktur yang dirancang, membataskan guru pelatih mengamalkan kemahiran mereka di sekolah di bawah bimbingan dan seliaan guru-guru yang berpengalaman. Sebagai contoh, dalam Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), kira-kira 20 peratus jam kredit diperuntukkan kepada praktikum. Sebaliknya, program pendidikan guru yang berprestasi tinggi di *National Institute of Education, Singapura* dan di *Melbourne Graduate School of Education, Australia* memperuntukkan kira-kira 40 peratus waktu kursus kepada komponen praktikum

(KPM, 2013). Bagi guru pelatih PISMP menjalani Praktikum sebanyak enam kredit dalam tempoh masa 12 minggu persekolahan. Praktikum di tawarkan sebanyak dua kursus iaitu Praktikum 1 dan Praktikum 2. Ini menjadikan praktikum mempunyai ruang yang mencukupi bagi guru pelatih menimba pengalaman sebelum terjun ke dunia sebenar (IPGM, 2015)

Guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti tinggi dan bersungguh-sungguh untuk memperkembangkan potensi dan tahap pencapaian pada tahap yang optimum secara berterusan (JNJK, 2010). Garis Panduan Amalan Profesional (KPM 2009, 2015) sentiasa dikemas kini selari dengan perubahan dan penambahbaikan yang melibatkan pelbagai program dan ambilan kursus yang di tawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Institusi-institusi latihan pendidikan guru merupakan tempat untuk membentuk insan guru agar dapat berkhidmat di mana-mana lokasi dan situasi. Bagi sesetengah masyarakat, guru dilihat sebagai agen perubahan yang perlu mempunyai ilmu selari dengan perubahan yang pantas dan bergolak. Oleh yang demikian bakal guru yang dilahirkan mestilah mempunyai ilmu dan kemahiran dalam penyediaan PdPc, strategi dan penyusunan isi pelajaran yang mantap berdasarkan Dokumen Rujukan Sukatan Pelajaran (DSKP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) serta penyediaan, penggunaan media pengajaran yang sesuai dengan objektif Pengajaran dan Pemudah cara yang hendak dicapai (Aziz Nordin *et al.*, 1990).

Praktikum merupakan satu komponen amali atau praktikal dalam syllabus latihan perguruan. Guru pelatih akan dihantar ke sekolah dalam tempoh tertentu untuk mengaplikasikan teori yang telah dipelajari di bilik kuliah atau kampus. Proses bimbingan dan penilaian yang dilakukan bagi mengesahkan bahawa guru pelatih telah menguasai kemahiran dan pengetahuan yang ditetapkan oleh sukatan atau proforma kursus.

Praktikum adalah satu daripada dua tempoh transisi dalam meniti profesion keguruan. Ianya bermula dengan latihan perguruan pra perkhidmatan sehinggalah mereka disahkan dalam jawatan sebagai guru siswazah terlatih. Transisi berikutnya ialah semasa guru dalam tempoh percubaan (*probationary period*) mengambil masa